

LANGKAH 2M DIPUJI

Semua sekata: Potongan gaji contoh wajar

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Jumaat.— Beberapa pemimpin dan pertubuhan hari ini menyambut baik langkah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Musa Hitam mempelopori langkah penjimatan dengan memotong gaji bulanan mereka \$1,000 sebulan.

Mereka berpendapat langkah tersebut adalah wajar memandang keadaan ekonomi yang tidak menggalakkan sekarang.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Lim Chong Eu, ketika memuji keputusan itu berkata, Perdana Menteri dan Timbalannya menunjukkan contoh baik kepada rakyat.

Berucap di Pulau Pinang hari ini beliau berkata, potongan gaji Menteri-menteri dan Timbalan Menteri telah dibincangkan lama dahulu.

Bagaimanapun, masih belum diputuskan sama ada beliau dan ahli Eksekutif yang lain juga akan dikenakan potongan gaji.

Perkara tersebut masih dalam pertimbangan, katanya.

Di Muar, Johor, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Encik Muhyiddin Mohamed berkata, beliau sedia gajinya dipotong sekiranya langkah tersebut dapat mengatasi masalah kemerosotan ekonomi sekarang.

Ketika menyahut seruan yang dipelopori oleh Perdana Menteri dan Timbalannya itu, Encik Muhyiddin berkata, rakyat Malaysia dari semua lapisan

masyarakat haruslah menyokong langkah tersebut.

Katanya, setiap mereka dari peringkat atas hingga ke golongan bawah hendaklah bersama-sama memaikan peranan ketika negara menghadapi kesukaran seperti kemelesatan ekonomi.

Encik Muhyiddin berkata, kemelesatan ekonomi telah melanda dunia dan memberi kesan ke atas negara-negara terkemuka lebih awal dari Malaysia.

Menyokong

Setiausaha Agung Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Encik Kamaruddin Jaafar berharap langkah tersebut tidak harus merupakan tindakan yang simbolik sahaja.

Katanya, sekiranya sesuatu perubahan yang hendak dilakukan bagi membenarkan kemelesatan ekonomi negara, langkah-langkah yang lebih konkrit harus diambil.

Beliau yang menyokong langkah yang dipelopori oleh Perdana Menteri dan Timbalannya itu, bagaimanapun berharap gaji-gaji bagi pegawai dan kakitangan kerajaan berpendapatan rendah tidak akan terlibat.

Katanya, sekiranya gaji pegawai dan kakitangan tersebut dipotong ia akan mendatangkan kesan buruk kepada mereka dan juga negara.

No. Siri 2810
No. Penerimaan 553/85